

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 57

Raymond menubuhkan sebuah perniagaan di bawah nama Raymond Trading. Urus-urus niaga berikut merujuk kepada operasi perniagaannya dalam bulan Julai 2016:

Tarikh	Urus niaga
2016 Julai 1	Pemindahan RM75,000 dari akaun peribadi Raymond ke akaun perniagaan.
7	Pinjaman bank sebanyak RM30,000 telah diperolehi. Menggunakan wang pinjaman untuk membeli peralatan bernilai RM35,000. Bakinya telah dibayar dengan cek.
14	Membeli perabot berharga RM10,500 dengan cek.
16	Belian barang niaga secara kredit RM5,600.
19	Memasang 10 unit kipas angin di premis kedai berjumlah RM1,800 dari Soon Heng Electricals. Bayaran akan dilakukan selepas satu bulan.
25	Perabot telah dijual pada nilai buku RM500 secara tunai.
28	Jual barang niaga secara kredit RM3,000, nilai kos RM1,700.
29	Bayaran untuk bil air dan elektrik RM380 secara tunai.
30	Faedah belum bayar untuk pinjaman bank RM300.

Dikehendaki:

Sediakan penyata kedudukan kewangan bagi Raymond Trading pada 31 Julai 2016.